

WELCOME TO THE AFL



APAKAH AFL?

AFL bermakna Liga Bola Sepak Australia dan sukan tersebut biasanya dikenali sebagai 'Footy'. AFL bermula pada tahun 1858, walau bagaimanapun permainan tersebut dipengaruhi oleh permainan Orang Asli 'Marngrook'; yang merupakan perkataan daripada bahasa orang Gunditjmara yang bermaksud 'mata akhir permainan'.

AFL menggabungkan kemahiran yang digunakan dalam bola sepak, bola sepak Gaelic, ragbi dan bola keranjang.

PERMAINAN TERSEBUT

AFL merupakan sukan yang dinamik dan berentak laju yang dimainkan atas empat suku 20 minit yang penuh aksi pada kawasan yang bersaiz padang kriket!

Permainan tersebut dimainkan antara dua pasukan dan bertujuan untuk menjaringkan gol dengan menendang bola antara set empat tiang di setiap hujung padang.


Gol dijaringkan apabila bola ditendang melalui tiang tinggi di dalam, tiang gol dan bernilai enam mata. Jika bola tersebut berada di antara tiang gol dan yang mana-mana satu daripada tiang luar yang lebih pendek (tiang belakang), tiang belakang bernilai satu mata sahaja.

Para pemain dibenarkan untuk menghantar bola menggunakan kedua-dua tangan dan kaki mereka dan pasukan yang memperoleh mata yang paling banyak pada papan di akhir permainan ialah pemenang.


Padang Permainan Bujur Bola Sepak AFL




Bola AFL



Gol



Belakang



Untuk mengetahui lanjut mengenai permainan tersebut, sila lawati afl.com.au


PASUKAN

Setiap pasukan mempunyai 18 pemain di padang pada sebarang masa, dengan empat pemain simpanan yang lain.

18 pemain tersebut dipecahkan kepada kumpulan yang terdiri daripada enam orang setiap kumpulan:

- Kerja enam pemain baris depan adalah menjangkan gol
- Enam pemain tengah yang membantu menghantar bola kepada pemain baris depan
- Peranan enam pemain pertahanan adalah untuk menghalang pasukan lawan daripada menjangkan gol

Kedudukan Pasukan Bola Sepak AFL



- CF Centre half-forward
- HF Half-forward
- FP Forward pocket
- FF Full-forward
- R Ruck
- C Centre
- RR Ruck-rover
- RV Rover
- W Wing
- CB Centre half-back
- HB Half-back
- BP Back pocket
- FB Full-back

Pemain boleh:



Menghantar menggunakan tangan dan kaki




Merampas bola di bahagian bawah bahu



Mark (menangkap bola)

Pemain tidak boleh:



Menolak di belakang



Menyandung kaki pemain lain



Merampas bola di bahagian atas bahu

PERATURAN-PERATURAN

Jika sukan tersebut baru bagi anda, sesetengah peraturan penting yang perlu diketahui adalah:

Pemain boleh:

- Menghantar menggunakan tangan dan kaki mereka
- Merampas bola daripada lawan
- Mark: menangkap bola terus daripada tendangan pemain lain
- Menendang untuk menjangkan gol dari mana-mana sahaja di padang

Pemain tidak boleh:

- Merampas bola di bahagian bawah bahu atau di bawah lutut
- Menyandung kaki pemain lain
- Menolak lawan di belakang
- Memegang bola terlalu lama atau ia akan dirampas

